

Notis Laman Web Berkenaan Dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

1) Perlindungan dan Penggunaan Akta Peribadi

Penang Adventist Hospital (“PAH”) menghargai data peribadi anda dan berusaha untuk melindungi data peribadi anda selaras dengan undang-undang Malaysia. Notis Perlindungan Data Peribadi ini dikeluarkan oleh kami menurut keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta”) kepada semua pelanggan atau pesakit kami atau individu lain dimana data yang dikumpulkan oleh kami, oleh sebab, atau bersampingan dengan, penyediaan apa-apa perkhidmatan kepada pelanggan atau pesakit kami. Untuk mengelakkan keraguan, sila ambil perhatian bahawa Notis ini terpakai hanya jika anda seorang individu dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara versi bahasa ini dan Notis dalam Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Semasa anda berurusan dengan PAH, kami akan mengumpul pelbagai data peribadi anda termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, alamat, jantina, status perkahwinan, butir-butir hubungan, alamat e-mel, kewarganegaraan, bangsa dan agama, latar belakang pendidikan, pekerjaan, maklumat organisasi dan jawatan dalam organisasi, julat gaji, maklumat perubatan (seperti jenis darah, cap jari, DNA dan laporan makmal), maklumat insurans, maklumat akaun bank, profil kredit dan maklumat-maklumat anda lain yang dianggap perlu.

PAH akan mengumpul Data Peribadi secara langsung daripada kamu atau secara tidak langsung daripada pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada ahli-ahli keluarga, waris kadim, konsultan bebas, agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan dan institusi kewangan dan majikan.

PAH akan menggunakan dan memproses Data Peribadi anda bagi tujuan yang berkaitan dengan perniagaan dan aktiviti-aktiviti kami yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- (a) untuk memproses perkhidmatan perubatan anda;
- (b) untuk berkomunikasi dan memaklumkan keadaan perubatan anda;
- (c) untuk memberitahu anda mengenai perkhidmatan atau produk kami dan untuk memberi anda maklumat terkini tentang pengumuman produk terkini dan acara yang akan datang PAH
- (d) untuk memproses apa-apa bayaran yang berkaitan dengan anda dan untuk tujuan insurans;
- (e) untuk menjalankan penyelidikan pasaran, analisis statistik dan analisis kajian kes pesakit untuk meningkatkan perkhidmatan dan produk PAH;
- (f) untuk tujuan pentadbiran dalaman seperti audit, analisis data, penyimpanan rekod dan komunikasi pelanggan; dan
- (g) untuk sebarang tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang,

peraturan-peraturan, garis panduan, amalan perubatan dan / atau pihak berkuasa yang berkaitan.

2) Pengumpulan Data Bukan Peribadi

Dimana PAH mengumpul maklumat melalui laman web kami, kami mengumpul data bukan peribadi tertentu mengenai penggunaan laman web yang tidak boleh mengenal pasti anda secara automatik termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat Protokol Internet (IP) komputer anda, alamat Protokol Internet pembekal perkhidmatan internet anda, tarikh dan masa akses anda kepada laman web, system operasi yang digunakan anda, seksyen laman web yang dikunjungi anda, kandungan yang anda muat turun dari laman web kami dan alamat internet laman web di mana anda dihubungi secara terus ke laman web PAH. PAH mungkin akan menggunakan data bukan peribadi untuk membuat laporan maklumat mengenai demografi pengguna laman web dan corak trafik laman web. Tiada laporan maklumat tersebut yang dapat dikaitkan dengan identiti anda.

3) Pautan kepada Laman-laman Web Pihak-pihak Ketiga

Laman web PAH mungkin akan mengandungi pautan kepada laman web yang dikendali dan dimiliki oleh pihak-pihak ketiga yang bukan di bawah kawalan kami. Laman-laman web itu mungkin mempunyai polisi-polisi sendiri berkenaan dengan Perlindungan Data Peribadi dan oleh itu PAH tidak akan bertanggungjawab terhadap pengumpulan, penggunaan, penyelenggaraan, perkongsian dan pendedahan data dan maklumat oleh pihak-pihak ketiga tersebut. Jika kamu membekalkan maklumat secara langsung kepada web-web tersebut, Polisi Perlindungan Data Peribadi dan terma-terma perkhidmatan laman-laman web tersebut berkuatkuasa dan PAH tidak bertanggungjawab atas amalan pemrosesan maklumat atau polisi privasi laman-laman web tersebut.

4) Cookies

Cookies pada laman web PAH mungkin digunakan untuk membolehkan anda menentukan pilihan individu anda dan untuk membantu PAH menyediakan pengalaman yang lebih baik bagi anda. Cookies tertentu mungkin akan mengumpul Data Peribadi anda. Cookies merupakan fail-fail teks kecil di mana satu laman web boleh memasang pada komputer atau peranti mudah alih apabila anda melawat sesuatu laman web untuk kali pertama dan ini membantu laman web tersebut mengenal pasti peranti anda, mengingat nama pengguna anda dan pilihan anda. Jikalau pelayar web anda mempunyai opsyen, anda boleh memilih untuk menerima atau menolak cookies. Namun, sila ambil perhatian bahawa keupayaan anda untuk mengakses ciri-ciri tertentu atau penggunaan kemudahan pada laman web PAH mungkin akan terjejas jikalau anda memilih untuk menolak cookies.

5) Kegunaan khas laman web

Jikalau anda bukan pesakit atau pelanggan PAH, tetapi anda telah menghantar pertanyaan melalui laman web PAH, PAH mungkin akan memproses Data Peribadi anda bagi tujuan-tujuan berikut:

- (a) membalas pertanyaan anda;
- (b) penyimpanan rekod dalaman dan untuk tujuan pentadbiran;
- (c) perkembangan dan penambahbaikan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan PAH;

(d) untuk memaklumkan anda tentang produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan kami dan memberikan anda pengumuman tentang produk terkini dan acara yang akan datang PAH; dan

(e) untuk tujuan-tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan-peraturan, garis panduan, amalan komersial dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan,

6) Penyimpanan dan Penggunaan Data Peribadi

PAH menyimpan Data Peribadi anda sama ada dalam bentuk salinan cetak atau secara digital di dalam server kami yang terletak di Malaysia. Kawalan dan akses kepada Data Peribadi anda adalah diurus secara persendirian oleh PAH. PAH hanya akan mengekalkan Data Peribadi anda bagi tempoh yang diperlukan untuk memenuhi pelbagai tujuan-tujuan yang disebutkan dalam Notis ini kecuali jika tempoh pengekalannya lebih lama dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang.

Data Peribadi anda yang dibekalkan kepada PAH akan disimpan secara sulit. PAH mengambil langkah-langkah yang diperlukan, sama ada dari segi pentadbiran mahupun teknikal, untuk melindungi Data Peribadi anda daripada kehilangan, kecurian, kesalahgunaan dan akses tanpa kebenaran, pendedahan, penggunaan, penyilihan atau kemusnahan. PAH akan memastikan akses kepada Akta Peribadi anda terhad kepada pekerja yang perlu sahaja untuk memproses Data Peribadi anda menurut keperluan kerja masing-masing. Sebagai sebahagian daripada pembekalan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kami kepada anda dan bagi tujuan perniagaan kami, kami mungkin/ perlu untuk mendedahkan maklumat mengenai Data Peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat profesional kami, termasuk penasihat-penasihat undang-undang kami dan konsultan-konsultan pakar, pihak-pihak berkuasa kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain yang berkaitan, perkhidmatan pihak ketiga atau pembekal-pembekal dalam atau luar negara, badan akreditasi berkenaan seperti Malaysian Society for Quality in Health (MSQH), Joint Commission International (JCI), perunding-perunding bebas, syarikat insurans dan pihak-pihak lain yang diperlukan.

7) Hak Akses, Pemindaan dan Penolakan

PAH menghormati hak anda kepada Data Peribadi anda dan hak pembetulan Data Peribadi anda yang tidak tepat, lengkap, mengelirukan atau tidak terkini. Namun, PAH mempunyai hak untuk mengenakan bayaran munasabah terhadap anda untuk pemprosesan akses data atau menanggukuhkan permohonan anda sementara menunggu maklumat lanjut daripada anda. Anda juga boleh meminda Data Peribadi anda atau menarik balik persetujuan untuk memproses Data Peribadi pada bila-bila masa.

8) Pegawai Pematuhan

Jikalau anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Notis ini atau jikalau anda mempunyai apa persoalan mengenai cara Data Peribadi anda dikumpul atau dikendalikan oleh PAH atau jika anda berhasrat untuk memohon akses kepada Data Peribadi anda atau jika anda berhasrat meminda Data Peribadi anda atau anda ingin menarik balik kebenaran anda yang diberikan kepada PAH untuk

memproses Data Peribadi anda atau untuk pemindahan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak lain, anda boleh menghantar permohonan bertulis kepada alamat berikut:

Alamat : 465 Jalan Burma, 10350 Pulau Pinang

Pegawai Pematuhan: Encik Jayce Gooi

Email : pdpa@pah.com.my

9) Perubahan kepada Notis

PAH berhak untuk meminda Notis ini dari semasa ke semasa untuk memaparkan perubahan dari segi undang-undang serta keperluan regulasi, kemajuan teknologi dan amalan komersial yang terbaik tanpa notifikasi bertulis selanjutnya tetapi apa jua pindaan akan dimaklumkan melalui laman web kami. Anda dinasihati untuk memeriksa Notis di laman web kami dari semasa ke semasa.

10) Obligasi-obligasi di bawah undang-undang

PAH hanya akan menggunakan Data Peribadi anda dengan persetujuan anda. Semasa memproses Data Peribadi anda, PAH adalah tertakluk kepada undang-undang khusus industry kami Akta Kesihatan 1971, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan juga garis panduan daripada Kementerian Kesihatan dan Persatuan Perubatan Malaysia.

11) Data Peribadi Melibatkan Orang Bukan Dewasa dan Orang Kurang Upaya

Tanpa menjejaskan klausa-klausa lain dalam Notis ini, Data peribadi yang dikumpul berhubung dengan individu-individu berikut:-

(a) individu di bawah umur majoriti lapan belas (18) tahun; dan/atau

(b) individu yang kurang upaya untuk memberi persetujuan akibat ketidakupayaan mental atau fizikal

akan dikumpulkan oleh PAH mengikut kaedah-kaedah, dasar dan amalan perubatan.

.

12) Persetujuan anda

Dengan menggunakan laman web ini dan/atau menghantar Data Peribadi kepada PAH, anda dengan ini bersetuju dengan terma-terma Notis ini dan bersetuju kepada pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat anda seperti yang diterangkan dalam Notis ini. Jika anda tidak bersetuju dengan terma-terma Notis ini, sila jangan menggunakan laman web ini atau membekalkan mana-mana Data Peribadi anda kepada PAH.

